BAHAGIAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
SENARAI SEMAK BAGI PEMERIKSAAN LINTAS LALU KUALITI UDARA DALAMAN

Tarikh pemeriksaan: _____ Masa: _____

Lokasi: _____

Nama pemeriksa: 1._____

2._____

1.0	**Umum**		Ya	Tidak	Catatan
	Periksa sama ada terdapat apa-apa:-				
	1.1	Bau			
	1.2	Keadaan kotor atau tidak bersih (misalnya habuk berlebihan)			
	1.3	Pertumbuhan kulat tampak atau bau hapak (sering dikaitkan dengan masalah kelembapan berlebihan)			
	1.4	Kesan atau penyahwarnaan bahan binaan			
	1.5	Keadaan tidak bersih di dalam kelengkapan seperti panci salir dan menara pendinginan			
	1.6	Pengalihudaraan tidak cukup (misalnya udara berkuap dan hapak)			
	1.7	Bolong tersekat			
	1.8	Suhu tidak sekata			
	1.9	Terlalu ramai orang (sesak)			
	1.10	Penapis tidak disenggara dengan baik			
	1.11	Pembersih udara misalnya pengion dsb. nyatakan jenis:			
	1.12	Kehadiran bahan berhazard			
	1.13	Bilik mekanikal tidak bersih, atau terdapat sampah atau bahan kimia yang disimpan di dalam bilik mekanikal			
2.0	**Pendedahan manusia dan aras selesa**		Ya	Tidak	Catatan
	2.1	Berapa ramai penduduk di kawasan kerja?			
	2.2	Berapa lama penduduk berada di kawasan kerja?			
	2.3	Adakah suhu di dalam bangunan di kawal atur oleh termostat? Jika ya			
	2.3.1	Di manakah termostat tersebut diletakkan?			
	2.3.2	Adakah ia diletakkan dengan betul selepas pengubahsuaian bangunan?			

		2.3.3	Adakah ia diset pada suhu yang betul?			
	2.4	Adakah terdapat ketakselesaan radiasi haba daripada unit paparan visual?				
	2.5	Adakah timbul ketakselesaan disebabkan oleh haba sinaran daripada permukaan tingkap yang panas?				
	2.6	Adakah suhu, kelembapan relatif dan kadar aliran udara kerap diperiksa semasa waktu kerja?				
	2.7	Adakah udara sampai ke semua bahagian pejabat atau tidak terdapat ruang mati?				
	2.8	Adakah bangunan tersebut masih digunakan bagi tujuan yang dirancang?				
	2.9	Adakah sesekat/dinding yang ditambah atau dibuang?				
	2.10	Adakah tahap penghunian telah berubah?				
3.0	**Punca bahan cemar yang berpotensi**			Ya	Tidak	Catatan
	3.1	Adakah terdapat mana-mana penduduk yang merokok? Jika Ya, nyatakan di mana dan jika Tidak nyatakan tempat yang dikhaskan untuk merokok.				
	3.2	Adakah terdapat perabot, hiasan, karpet, dsb. yang mengeluarkan bau yang ketara?				
	3.3	Pernahkah bahan cuci, racun perosak atau bahan kimia lain digunakan di dalam bangunan?				
	3.4	Adakah apa-apa pengubahsuaian atau penyenggaraan terkini dilakukan di mana-mana bahagian:				
		3.4.1	Dilakukan semasa waktu kerja			
		3.4.2	Yang boleh menjadi punca bahan cemar, seperti cat, pemasangan karpet,pembaikpulihan penyaman udara, penggunaan pencuci salir, pencucian karpet, pembasmian kuman sistem MVAC, penggunaan racun perosak			
		3.4.3	Yang boleh mengubah corak aliran udara seperti pemasangan sesekat atau pemindahan pengambilan udara atau ekzos udara			
	3.5	Adakah terdapat dapur atau pantri yang kerja memasak dilakukan? Jika Ya, adakah pengalihudaraan ekzos disediakan di sana?				
	3.6	Adakah bangunan dibersihkan secukupnya?				
	3.7	Adakah perabot pejabat, birai, rak dsb. dibersihkan untuk membantu memastikan habuk berada pada paras minimum?				
	3.8	Adakah karpet divakum selalu?				
	3.9	Adakah terdapat kelengkapan pejabat yang membebaskan gas atau wasap seperti mesin fotokopi, mesin cetak biru dan mesin pejabat yang lain?				

4.0	**Pengalihudaraan dan penyaman udara**		Ya	Tidak	Catatan
	4.1	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu bolong udara bekalan dan satu bolong udara ekstrak di dalam setiap bilik atau kawasan? Jika Ya, berapakah bilangan bolong udara bekalan dan udara ekstrak di dalam setiap bilik atau kawasan?			
	4.2	Adakah bolong udara bekalan atau udara ekstrak terhalang dalam apa jua cara oleh sesekat, fail atau struktur lain yang menghalang aliran udara?			
	4.3	Adakah habuk terkumpul di sekitar bolong udara?			
	4.4	Adakah sistem penyaman udara dimatikan-			
	4.4.1	Bila-bila masa pada waktu siang?			
	4.4.2	Selepas waktu pejabat?			
	4.4.3	Apakah masih ada penduduk di dalam bangunan selepas waktu pejabat?			
	4.5	Di manakah salur pengambilan udara luaran ditempatkan?			
	4.5.1	Berdekatan menara pendinginan di dalam bangunan ini			
	4.5.2	Berdekatan bangunan bersebelahan?			
	4.5.3	Pada paras jalan			
	4.5.4	Berhampiran medan parkir kereta			
	4.5.5	Adakah ia terhalang?			
	4.5.6	Lain, sila nyatakan:			
	4.6	Apakah terdapat industri berat yang berdekatan?			
	4.7	Apakah terdapat kerja pembinaan sedang berlangsung berdekatan?			
	4.8	Adakah udara luaran dapat masuk ke dalam bangunan?			
	4.9	Apakah terdapat jadual berkala bagi pencucian dan penyenggaraan sistem penyaman udara di dalam bangunan?			
	4.10	Adakah semua komponen sistem penyamanudara diperiksa secara berkala untuk memastikan tiada kebocoran, penerobosan dan sebagainya?			